



SIARAN MEDIA

KPKT PACU REVOLUSI KEBERSIHAN MENERUSI SOSMIC

PUTRAJAYA, 25 November 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini melancarkan **Inisiatif Reformasi Pengurusan Sisa Pepejal Negara** dalam satu majlis yang disempurnakan oleh Ketua Setiausahanya, YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman Bin Taib . Langkah ini menekankan komitmen KPKT untuk **memperkukuh tadbir urus, integriti, dan kecekapan sektor pengurusan sisa pepejal negara**. Selaras dengan hasrat tersebut, KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) turut memperkenalkan **Kursus Intelktual Pengurusan Sisa Pepejal (Solid Waste Management Intellectual Course – SOSMIC)** sebagai teras kepada pembaharuan tersebut.

SOSMIC merupakan **kursus intelektual pertama dalam bidang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Malaysia** yang dibangunkan secara komprehensif oleh JPSPN dengan kerjasama **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)** dan **Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT)**. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada peningkatan profesionalisme pemegang lesen, pemahaman perundangan dan pengukuhan standard industri selaras Akta 672 serta aspirasi Malaysia MADANI.

Program ini merangkumi **lima (5) modul teras** iaitu latar belakang sistem pengurusan sisa pepejal negara, rangka perundangan, asas teknikal, tatacara permohonan lesen melalui sistem i-Lesen serta amalan terbaik industri. Tenaga pengajar terdiri daripada pegawai pakar SWCorp yang berpengalaman luas dalam operasi lapangan dan penguatkuasaan undang-undang.

Pelaksanaan SOSMIC ialah anjakan paradigma untuk melahirkan industri pengurusan sisa pepejal yang lebih profesional, berintegriti dan berdaya saing yang melibatkan 20,000 peserta. Dengan peningkatan berterusan kadar janaan sisa 39,000 tan sehari, Malaysia memerlukan tenaga kerja yang mahir serta mematuhi piawaian perundangan dan prinsip pembangunan mampan. **SOSMIC akan menjadi standard baharu dalam memastikan akauntabiliti 5,288 pemegang lesen pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.**

Majlis hari ini turut menyaksikan **penyampaian sijil pelantikan tenaga pengajar pakar dan pengenalan modul latihan SOSMIC** sebagai pengiktirafan terhadap kepakaran teknikal SWCorp dalam memperkukuh ekosistem latihan nasional.

Pelaksanaan SOSMIC dijangka memberi impak signifikan kepada industri, antaranya:

- a) Memastikan dasar semasa KPKT dilaksanakan secara konsisten dan berkesan;
- b) Meningkatkan tahap kefahaman serta pematuhan perundangan dalam kalangan pemegang lesen;
- c) Mewujudkan industri sisa pepejal yang profesional, berkompeten dan setara standard antarabangsa; dan
- d) Merekayasa ejen kebersihan sebagai penggerak utama amalan terbaik industri.

KPKT komited memastikan SOSMIC menjadi platform latihan nasional yang menyokong transformasi industri, seterusnya memperkukuh ekosistem pengurusan sisa pepejal negara agar terus progresif, moden dan mampan selaras agenda Malaysia MADANI. Di bawah kepimpinan utuh Kerajaan MADANI, usaha strategik ini adalah jaminan negara untuk mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, sihat, dan lestari demi kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

